

# Sejuta tandatangan untuk penyu

KOSMO 3/03/08 Pg. 14

KUALA TERENGGANU – Jangan beli dan makan telur penyu serta tuntung.

Bagi menanam kesedaran itu di kalangan rakyat Malaysia, satu kempen mengumpul sejuta tandatangan akan diadakan di seluruh negara mulai bulan ini hingga Februari 2009.

Program selama setahun itu dianjurkan Kumpulan Penyelidikan dan Pemuliharaan Penyu dan Tuntung, Institut Oseanografi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Bahagian Komunikasi Korporat dan Publisiti UMT dalam satu kenyataan semalam berkata, usaha mengumpul tandatangan tersebut bertujuan membuktikan sokongan rakyat negara ini ke arah usaha memelihara spesies mamalia yang hampir pupus itu.

Katanya, amalan memakan telur haiwan tersebut semakin berleluasa ekoran sifat ingin tahu para pelancong tentang kelazatan telur penyu dan tuntung.

Malah permintaan tinggi telah mendorong kemasukan telur-telur itu terutamanya dari Sabah dan Sarawak ke pasaran Pantai Timur Semenanjung.

“Sasaran kami adalah untuk mengumpul sekurang-kurangnya sejuta tandatangan rakyat Malaysia bahawa mereka tidak akan memakan telur penyu dan tuntung sepanjang hayat mereka,” kata kenyataan itu.

Selain tandatangan, mesej “Saya tidak akan memakan telur penyu dan tuntung sepanjang hayat saya” boleh dihantar ke e-mel [turtle@umt.edu.my](mailto:turtle@umt.edu.my) sebagai tanda sokongan.

Katanya, sokongan terhadap kempen itu juga boleh dibuat secara online mulai hari ini ke laman web [www.umt.edu.my/turtle](http://www.umt.edu.my/turtle)